



Headline: Hilang RM99k konon terbabit edar dadah  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 1 April 2022

Language: Malay  
Section: Lokal  
Page: 2

**Teluk Intan:** Wang simpanan RM99,330 milik seorang pesara syarikat telekomunikasi di sini, lesap selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri (***gambar***) berkata, wanita berusia 64 tahun dihubungi pihak yang mendakwa dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya pada November tahun lalu.

Katanya, pihak berkenaan memaklumkan mangsa terbabit pendedaran dadah dan penggubahan wang haram namun wanita itu menafikannya.

“Talian mangsa kemudi-

## Hilang RM99k konon terbabit edar dadah

annya disambungkan ke Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membuat laporan berkaitan akaun bank yang dimiliki.

“Mangsa diminta mengeluarkan wang dalam akaun Tabung Haji dan dipindahkan ke akaun peribadi di Bank Islam yang diarahkan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Ahmad Adnan berkata, tanpa disedari mangsa

menyerahkan butiran maklumat akaun Bank Islam berkenaan kepada suspek.

“Semua wang dalam akaun dipindah ke akaun pihak ketiga secara perbankan dalam talian bermula 30 November hingga 24 Disember lalu.

“Mangsa menyedari ditipu selepas wang berjumlah RM99,330 dipindah berperingkat secara dalam talian sebanyak 12 transaksi ke tiga akaun lain (keldai akaun),” katanya.

